

BAHAGIAN I

LENCANA JAYADIRI



扫描全能王 创建

**SUKATAN PELAJARAN LENCANA JAYADIRI**

- Mengetahui fungsi-fungsi Parlimen.
- Melukis dan menerangkan rupa bentuk bendera semua negeri dalam Malaysia dan mengetahui lambang Malaysia dan lambang negeri masing-masing.
- Menerangkan fungsi satu daripada agensi kerajaan atau badan berkanun seperti UDA, MARDI, MARA, FELDA, LPN, PETRONAS dan lain-lain.
- Melukis peta negeri masing-masing dan menunjukkan kawasan Parlimen serta nama ahli parlimen yang berkenaan.
- Mempunyai buku log pengakap yang kemas kini.

**REKOD UJIAN  
LENCANA JAYADIRI**

Nama Pengakap : .....	Tarikh Lahir : .....	No. K.P. : .....
No. Ahli : .....	No. Kumpulan : .....	
Daerah : .....	Negeri : .....	
Alamat Kumpulan : .....		
Pangkar : .....	Telefon : .....	
No. Sijil Lencana Jayadiri : .....		

Bil	Perkara	Tarikh lulus	Tandatangan penguji
1.	Fungsi Parlimen		
2.	Bendera negeri dalam Malaysia dan lambang negara dan negeri		
3.	Fungsi sebuah agensi kerajaan		
4.	Peta kawasan parlimen negeri dan ahli Parlimen		
5.	Buku log peribadi		

Adalah disahkan bahawa Pengakap Remaja yang tersebut di atas telah lulus semua ujian dan memenuhi segala kehendak dalam Lencana Jayadiri.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Pemimpin Pengakap Remaja  
(Nama dan cap)

# I

## Fungsi Parlimen

**PARLIMEN PERSEKUTUAN**

PARLIMEN Persekutuan terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dua dewan, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hanya Yang di-Pertuan Agong sahaja yang boleh menggil Parlimen bersidang. Baginda juga mempunyai kuasa istimewa untuk memberhenti atau membubarkan Parlimen. Dengan demikian, Yang di-Pertuan Agong diperlukan oleh Perlembagaan untuk menggil Parlimen bermesyuarat dalam masa enam bulan antara persidangan yang aktif dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiaranya.

Bagi Dewan Rakyat, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap penggal, tarikh-tarikh majlis akan bermesyuarat dalam penggal itu. Walau bagaimanapun, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dari semasa ke semasa.

Parlimen Persekutuan merupakan badan perundangan yang tertinggi di Malaysia. Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen akan terus berjalan selama lima tahun, dari tarikh mesyuarat pertamanya selepas pilihan raya umum. Pada penghujung tempoh lima tahun ini, Parlimen dengan sendirinya dibubarkan dan dalam masa 60 hari dari tarikh pembubarannya, pilihan raya umum bagi memilih wakil-wakil



扫描全能王 创建

untuk Dewan Rakyat hendaklah diadakan, dan Parlimen dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat dari pada 120 hari dari tarikh pembubaran itu.

### Fungsi Parlimen

- Kuasa Perundangan Parlimen.** Parlimen melaksanakan beberapa tugas yang penting bagi negara. Parlimen adalah badan kuasa perundangan untuk Persekutuan dan dengan itu membuat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh Persekutuan.
- Kewangan.** Parlimen juga mengawal kewangan kerajaan. Cukai-cukai dan kadar-kadar Persekutuan boleh dinaikkan hanya dengan kuat kuasa Parlimen seperti yang dinyatakan dalam undang-undang Persekutuan. Semua hasil yang diperolehi hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan dan semua wang hanya dapat dibelanjakan dengan kuat kuasa Parlimen.
- Kuasa perbincangan.** Parlimen adalah juga forum kritik dan tempat tumpuan pendapat orang ramai mengenai hal-hal negara. Menerusi perbahasan di Parlimen, dasar dan tindak-tanduk kerajaan bolehlah diselaraskan mengikut pendapat umum.
- Kuasa penyelenggaraan.** Untuk membolehkan Parlimen menyelenggarakan tanggungjawab yang diletakkan ke atasnya dengan sepenuhnya serta berkesan pula, maka Perlembagaan memberi beberapa hak dan perlindungan undang-undang yang dikenali sebagai 'keistimewaan Parlimen'. Keistimewaan ini dinikmati oleh tiap-tiap dewan pada keseluruhannya dan oleh tiap-tiap ahli Parlimen.
- Kuasa menghukum.** Tiap-tiap dewan berkuasa untuk membuat peraturannya sendiri, masing-masing mempunyai pengawasan khas terhadap perjalanan persidangannya sendiri, sah atau tidak sah perjalanan mesyuaratnya tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah; dan tiap-tiap dewan boleh menghukum ahli-ahlinya kerana melanggar keistimewaan Parlimen atau 'mencemar' dewan. Tertakluk kepada Perkara 63(4) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap ahli Parlimen terlindung daripada tindakan

undang-undang jenayah atau sivil berhubung dengan perkara-perkara yang diperkatakan atau undi yang dibuat dalam Parlimen, dan perlindungan yang sama juga diberi kepada orang-orang yang bertindak di bawah kuat kuasa mana-mana dewan.

### DEWAN RAKYAT

Dewan Rakyat terdiri daripada 180 orang ahli yang dipilih se-waktu pilihan raya umum 1990. Komposisi perwakilan negeri-negeri adalah seperti berikut:

Semenanjung Tanah Melayu	:	132 orang
Sabah	:	20 orang
Sarawak	:	27 orang
Labuan (W.P.)	:	1 orang

Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah dipilih keseluruhannya. Yang Dipertua dan Timbalannya dipilih oleh Dewan Rakyat. Namun demikian, terdapat pula satu syarat dalam Perlembagaan yang membolehkan Yang Dipertua dipilih dari luar Dewan Rakyat. Orang yang dipilih seperti ini dianggap sebagai ahli Dewan dan satu tambahan kepada 180 orang ahli yang dipilih. Keanggotaan Dewan Rakyat dibataskan kepada warganegara yang berumur 21 tahun ke atas dan ia tidak boleh menjadi ahli Dewan Negara. Tempoh Dewan ini ialah lima tahun. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong berkuasa, menurut kebijaksanaannya, untuk membubarkan Parlimen sebelum tempoh tersebut, iaitu setelah mendapat nasihat dari Perdana Menteri.

### Fungsi Dewan Rakyat

- Menjalankan sistem pemerintahan demokrasi.
- Bersidang dari semasa ke semasa.
- Membahaskan tentang titah ucapan diraja yang menerangkan dasar-dasar kerajaan.
- Menggubal undang-undang. Mula-mula rang undang-undang diperkenalkan di Dewan Rakyat. Setelah dibaca beberapa kali dan dibahaskan, undian akan dijalankan. Jika ia telah diterima dan diluluskan, usul ini akan dihantar ke Dewan Negara untuk perbahasan dan perbincangan.



5. Pindaan ke atas perlembagaan boleh dilakukan jika  $\frac{2}{3}$  ahli Parlimen menyokong pindaan tersebut.

## DEWAN NEGARA

Dewan Negara mempunyai 69 orang ahli yang mana 40 orang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada warganegara yang pada pendapat baginda 'telah berbakti dengan cemerlangnya atau telah mencapai taraf gemilang dalam perkhidmatan awam, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan, perkhidmatan masyarakat atau wakil-wakil kaum yang terkecil bilangannya atau yang boleh mewakili kepentingan Orang Asli'. Dua orang ahli untuk mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang untuk mewakili Wilayah Persekutuan Labuan akan juga dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Sementara 26 orang lagi dipilih oleh Dewan Negeri dari 13 buah negeri di Malaysia, iaitu tiap-tiap sebuah negeri mengemukakan dua orang senator. Yang Dipertua dan Timbalannya dipilih daripada kalangan mereka sendiri. Keanggotaan Dewan Rakyat ini dibataskan kepada warganegara yang telah berumur 30 tahun ke atas. Tempoh Dewan Negara ini tidaklah terjejas dengan pembubaran Parlimen. Tempoh jawatan seseorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun. Beliau tidak boleh memegang jawatan itu lebih daripada dua tempoh.

Parlimen diberi kuasa oleh Perlembagaan untuk mengubah kedudukan ahli Dewan Negara, seperti menambah bilangan ahli-ahli Dewan yang dipilih oleh Dewan Negeri menjadi tiga orang, memperuntukkan supaya ahli-ahli Dewan Negara itu dipilih oleh pengundi-pengundi, mengurangkan jumlahnya, atau menghapuskan ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik.

### Fungsi Dewan Negara

1. Menyeruak usul-usul yang dibuat di Dewan Rakyat.
2. Menangguhkan semua rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Semua rang undang-undang Dewan Rakyat mesti diluluskan oleh Dewan Negara sebelum dihantar kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk ditandatangani.

3. Dewan Negara berhak meminda sesuatu rang undang-undang dan merujukannya semula kepada Dewan Rakyat tetapi tidak boleh menolak rang undang-undang tersebut.
4. Tugas Dewan Negara adalah untuk menyekat penyalahgunaan kuasa Dewan Rakyat.
5. Rang undang-undang yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong akan menjadi Akta Parlimen dan seterusnya undang-undang.



## 2 Bendera dan Lambang

**BENDERA MALAYSIA**



**BENDERA** Malaysia mengandungi 14 jalur merah dan putih yang berselang-selang dengan lebar yang sama setiap jalur. Ini melambangkan Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri itu terdiri daripada Perlis, Kedah Darul Aman, Pulau Pinang, Perak Darul Ridzuan, Kelantan Darul Naim, Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan Darul Khusus, Melaka, Johor Darul Takzim, Pahang Darul Makmur dan Terengganu Darul Iman di Semenanjung dan Sarawak serta Sabah, dan tidak ketinggalan Wilayah Persekutuan.

Bahagian yang berwarna biru tua di atas sebelah kiri membawa ke bawah hingga atas jalur merah yang kelima bermakna perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Di tengah-tengahnya terdapat anak bulan serta bintang pecah 14 menunjukkan per-

paduan di kalangan semua 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan di bawah satu pemerintah. Warna kuning pada anak bulan dan bintang ialah warna diraja bagi Duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Bulan dan bintang melambangkan agama rasmi negara, iaitu Islam. Warna merah dan putih bermakna kedaulatan pemerintahan dan tanda kesucian.

### **BENDERA NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA**

#### **Johor Darul Takzim**

Bendera negeri Johor terdiri daripada sebutir bintang pecah lima dan bulan sabit kedua-duanya berwarna putih, menandakan raja yang berdaulat. Warna biru tua bermaksud kerajaan negeri, manakala warna merah bererti hulubalang yang telah mempertahankan negeri. Lambang bulan dan bintang bermaksud agama Islam sebagai agama rasmi negeri.

#### **Kedah Darul Aman**

Benderanya terdiri daripada lambang negeri berlatarbelakangkan warna merah seluruhnya. Warna merah ialah warna negeri turun-temurun. Lambang negeri yang terdiri daripada padi melambangkan kemakmuran, anak bulan menandakan agama rasmi negeri, iaitu Islam, dan perisai bermaksud kerajaan beraja yang sentiasa menjaga dan memelihara rakyatnya.

#### **Kelantan Darul Naim**

Bendera negeri Kelantan berlatarbelakangkan warna merah. Di tengah-tengahnya terdapat lambang negeri. Warna merah bermaksud kejujuran penduduknya serta sultan sebagai pemerintah. Lambang kebesaran terdiri daripada bulan sabit, bintang bermaksud lambang agama, serta dua tombak dan dua bilah keris melambangkan keselamatan dan kesejahteraan negeri. Warna putih bererti tanda kesucian negeri ini.

#### **Melaka**

Benderanya berlatarbelakangkan warna merah dan putih dengan sebutir bintang serta bulan sabit di sebelah kiri atasnya. Warna kuning pada bulan dan bintang, biru dan putih adalah



扫描全能王 创建

warna persekutuan yang menunjukkan Melaka sebagai sebuah negeri dalam persekutuan. Bulan dan bintang ialah lambang agama Islam, agama rasmi negeri dan Malaysia.

#### Negeri Sembilan Darul Khusus

Benderanya berbentuk segi empat bujur di bahagian atas dan di sebelah kiri berwarna merah dan hitam. Warna merah bermakna rakyat, manakala warna hitam bermaksud Datuk-datuk Undang. Warna kuning selebihnya bermaksud DYMM Yang Dipertuan Besar sebagai pemerintah negeri.

#### Pahang Darul Makmur

Benderanya terdiri daripada dua warna sama lebar, iaitu putih dan hitam. Warna putih di sebelah atas melambangkan raja pemerintah, manakala warna hitam di bahagian bawahnya adalah warna kebesaran bendahara, iaitu pemerintah Pahang dahulu bergelar bendahara.

#### Perak Darul Ridzuan

Bendera negeri Perak terdiri daripada tiga jalur yang sama lebar. Tiap-tiap jalur terdiri daripada satu warna, iaitu putih di atas, kuning di tengah dan hitam di bawah. Jalur putih maksudnya DYMM Sultan, jalur kuning maksudnya Raja Muda dan jalur hitam ialah Raja Dihilir. Kedudukan tiga warna atau jalur ini menunjukkan tiga waris kepada pemerintahan negeri Perak mengikut susunan, iaitu Sultan, Raja Muda dan Raja Dihilir.

#### Perlis

Benderanya terdiri daripada dua jalur mengandungi satu warna tiap-tiap satu. Jalur kuning di bahagian atas bermaksud DYMM Raja, dan warna biru di bahagian bawahnya bermaksud rakyat negeri ini. Cantuman dua jalur ini melambangkan kerjasama erat antara raja dengan rakyat.

#### Pulau Pinang

Bendera Pulau Pinang terbahagi kepada tiga pecahan menegak terdiri daripada warna biru di kanan, putih di terigah dan kuning

di kirinya. Warna biru bermaksud faut yang mengelilingi pulau ini, warna putih bermaksud negeri yang aman damai dan warna kuning melambangkan kemakmuran. Pohon pinang di tengah-tengahnya ialah pokok, iaitu nama Pulau Pinang diambil.

#### Sarawak

Bendera Sarawak terdiri daripada tiga warna yang dipecahkan kepada tiga bahagian. Jalur hitam melambangkan perpaduan rakyat, jalur merah di sebelah bawah melambangkan keberanian dan keazaman rakyat negeri ini, dan warna kuning pula melambangkan kejujuran dan kesucian. Bintang pecah sembilan melambangkan sembilan buah kawasan atau bahagian di dalam negeri ini.

#### Sabah

Bentuk bendera negeri Sabah ialah berjalur tiga dan satu petak yang terdapat lambang gunung di dalamnya. Warna merah berbentuk segi tiga melambangkan keberanian dan keazaman. Warna biru di bahagian atas melambangkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran, dan warna putih di tengah melambangkan kesucian dan keikhlasan. Lambang gunung di dalam petak ialah Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara dan menjadi kebanggaan Sabah.

#### Selangor Darul Ehsan

Benderanya berbentuk segi empat berwarna merah di bahagian atas kiri dan bawah kanan, dan kuning di bahagian atas kanan dan bawah kiri. Warna kuning dan merah maksudnya daging dan darah, iaitu keperluan jiwa dan tenaga kepada rakyat negeri ini. Bulan bintang berwarna kuning di bahagian atas ialah sebagai lambang agama Islam.

#### Terengganu Darul Iman

Bendera negeri ini mempunyai latar belakang berwarna putih yang bermaksud DYMM Sultan. Warna putih ini melingungi warna hitam yang bererti rakyat. Di tengah-tengahnya terdapat bulan dan bintang berwarna putih melambangkan agama Islam, agama rasmi negeri ini.





Johor Darul Takzim



Kedah Darul Aman



Kelantan Darul Naim




Melaka



Negeri Sembilan Darul Khusus




Pahang Darul Makmur



Perak Darul Ridzuan



Perlis Indera Kayangan



Pulau Pinang



Sarawak




Sabah



Selangor Darul Ehsan



Terengganu Darul Iman



Wilayah Persekutuan

**Wilayah Persekutuan**

Bendera Wilayah Persekutuan hampir serupa dengan bendera kebangsaan kerana ia adalah ibu kota Malaysia. Bendera Wilayah Persekutuan mempunyai 14 jalur merah dan putih yang melambangkan 13 negeri dan Wilayah Persekutuan. Bulan dan bintang melambangkan Kuala Lumpur sebagai pusat agama rasmi negara, iaitu Islam. Warna biru melambangkan perpaduan di kalangan penduduk berbilang kaum. Warna merah melambangkan keberanian dan kesanggupan bandar raya Kuala Lumpur menghadapi cabaran dalam usaha membina sebuah bandaraya yang dinamik, maju dan kosmopolitan. Warna kuning adalah lambang kedaulatan DYMM Raja-raja dan warna putih melambangkan kesucian, kebersihan dan keindahan di Kuala Lumpur sebagai sebuah *garden city*.

**LAMBANG NEGARA MALAYSIA**

扫描全能王 创建

Lambang Malaysia terdiri daripada sebutir bintang pecah 14, yang melambangkan 14 buah negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) di dalam Malaysia dan bulan sabit, tanda agama Islam, agama rasmi negara, lima bilah keris melambangkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, yang mempunyai Sultan (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu). Di bawah kumpulan keris itu terdapat empat warna, iaitu merah, hitam, putih dan kuning. Ini melambangkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan).

Di sebelah kanan perisai terdapat sebatang pokok melaka yang melambangkan negeri Melaka dan di sebelah kirinya terdapat pokok pinang dan jambatan melambangkan Pulau Pinang. Tiga bahagian di sebelah bawah itu melambangkan dari kiri, negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan dan negeri Sarawak. Harimau-harimau yang ditunjukkan sebagai penopang lambang Negeri-negeri Melayu Bersekutu dahulu itu dipakai dalam lambang Malaysia.

Cogan kata ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ ditulis dengan tulisan Rumi dan Jawi. Warna kuning pada awan-awan itu ialah warna diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

#### LAMBANG-LAMBANG NEGERI DI MALAYSIA

##### Lambang Negeri Johor

Mahkota melambangkan DYMM Sultan. Empat bintang di sudut perisai putih itu menandakan empat buah jajahan besar asal negeri itu, iaitu Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Endau.



Johor



Kedah

Sementara bintang dan anak bulan di tengah pula, tanda agama Islam. Dua ekor harimau yang memegang persai itu mengingatkan kepada binatang-binatang buas yang pada suatu masa dahulu banyak terdapat dan merayau-rayau di negeri itu. Lukisan yang berbunga-bunga di sebelah bawah perisai bermaksud gambir dan lada hitam, dua hasil utama yang asal bagi negeri Johor. ‘Kepada Allah Berserah’ ialah cogan kata negeri Johor.

##### Lambang Negeri Kedah

Lingkaran padi mengelilingi perisai melambangkan pertanian sebagai hasil dan sumber utama negeri itu. Anak bulan menandakan agama Islam dan perisai itu tanda kekuasaan. Manakala warna kuningnya ialah warna diraja. Tulisan Jawi ialah ejaan bagi negeri Kedah. Warna kuning yang digunakan pada lambang perisai dan padi menandakan warna diraja sultan dan warna hijau pada bulan sabit ialah lambang agama Islam, agama rasmi Kedah.

##### Lambang Negeri Kelantan

Mahkota itu tandanya kedaulatan sultan. Dua tombak dan dua keris bermaksud kekuatan orang-orang Melayu Kelantan. Anak bulan dan bintang adalah lambang agama Islam. Dua pucuk meriam, bermakna bahawa negeri ini adalah sentiasa sedia untuk mempertahankan dirinya. Dua ekor kijang mengingatkan kembali kepada sejarah tua negeri ini tatkala Che Wan Kembang (Che Siti), Permaisuri Kelantan (kira-kira pada akhir abad yang ke-14) yang terlalu kasih kepada kijang kesayangannya, telah memerintahkan wang emas dicap dengan gambar binatang itu. Cogan katanya ialah ‘Berserah Kepada Tuhan Kerajaan Kelantan’.



Kelantan



Melaka



### Lambang Negeri Melaka

Lambang Negeri Melaka terdiri daripada dua ekor pelanduk memegang perisai dan bulan bintang. Dua ekor pelanduk yang memegang perisai itu ialah untuk memperingati riwayat tua Melaka, iaitu pelanduklah yang telah menyebabkan raja Melaka yang pertama mengambil keputusan untuk membuka negeri itu dan menetap di sini.

Warna merah, putih, kuning dan biru itu maknanya Melaka adalah sebuah negeri dalam Malaysia. Lima bilah keris itu maknanya lima orang pahlawan termasyhur di Melaka pada zaman dahulu. Anak bulan dan bintang pecah lima melambangkan agama Islam, agama negeri itu. Pokok melaka ialah pokok dari mana negeri itu mendapat namanya. Cogan kata negeri ini ialah ‘Bersatu Teguh’.

### Lambang Negeri Sembilan

Lambang Negeri Sembilan terdiri daripada sebuah perisai, di dalamnya terdapat sembilan tangkai padi yang bermakna sembilan buah negeri dalam gabungan Negeri Sembilan yang lama. Warna merah dalam perisai menunjukkan hubungan pada masa yang lalu dengan British. Warna hitam maknanya Datuk-datuk Undang. Warna kuning maknanya Yang Dipertuan Besar. Bintang pecah sembilan itu juga menunjukkan sembilan buah negeri dalam gabungan yang lama. Pedang dan sarungnya di atas perisai itu tanda keadilan. Di tengah-tengah antara pedang dan sarung ialah ‘Changgai Putri’ tanda kebesaran Yang Dipertuan Besar.



Negeri Sembilan



Pahang



Perak



Perlis

### Lambang Negeri Pahang

Lambang negeri Pahang mengandungi contoh mata tombak besar, iaitu ‘cogan’ salah satu dari alat kebesaran negeri yang utama, tanda kekuasaan seperti cokmar. Gading gajah bermakna kekuasaan raja. Dalam sejarah Melayu, gajah ada hubungan rapat dengan raja-raja Melayu dan adat istiadat diraja, iaitu digunakan sebagai kenderaan diraja.

### Lambang Negeri Perak

Tajuk gubahan yang dipakai oleh DYMM Sultan pada tengkolok baginda ialah tanda kedaulatan raja. Anak bulan adalah lambang agama Islam, agama rasmi negeri ini. Bunga padi maknanya pekerjaan utama rakyat, iaitu pertanian. Warna-warna yang terdapat pada lambang negeri Perak melambangkan Sultan (putih), Raja Muda (kuning) dan Raja Dihilir (hitam).

### Lambang Negeri Perlis

Lingkaran padi pada perisai maksudnya pekerjaan dan hasil utama negeri itu ialah padi: Perisai tanda kebanggaan dan kehormatan negeri Perlis. Lambang itu keseluruhanya bermakna kebanggaan negeri itu kerana kekayaan hasil padinya. Manakala warna hijau bermaksud agama Islam dan kuning ialah warna diraja.

### Lambang Pulau Pinang

Lambang jambatan besar menjadi satu kemegahan bagi rakyat Pulau Pinang khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Jambatan



扫描全能王 创建



Pulau Pinang



Sabah

ini juga menggambarkan penyatuan yang kukuh dan nyata di antara Pulau Pinang dengan Seberang Perai dan juga menggambarkan simbol percantuman yang lebih kukuh di antara Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung. Dua tiang jambatan ini melambangkan dua serampang di dalam Dasar Ekonomi Baru, iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Empat kabel yang menegakkan kedua-dua tiang tersebut menggambarkan empat jenis rupa bangsa di negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa. Jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan yang berjumlah lima tiap-tiap satu warna memberi makna simbol lima prinsip Rukun Negara dan simbol lima daerah yang ada di Pulau Pinang.

Lima petak warna yang menjadi asas kepada pokok pinang, juga melambangkan lima prinsip Rukun Negara dan lima daerah yang ada di Pulau Pinang.

#### Lambang Negeri Sabah

Lambang Negeri Sabah terdiri daripada sebuah perisai dan bendera serta tangan yang memegangnya di atas perisai. Di tengah perisai terdapat sebuah gunung, iaitu lambang Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara. Di bawah perisai terdapat cogan kata negeri ‘Sabah Maju Jaya’. Manakala warna merah, biru laut dan putih adalah warna negeri, yang membawa pengertian yang sama warna-warna negeri (warna merah melambangkan keberanian dan keazaman, warna biru melambangkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran dan warna putih pula melambangkan kesucian, keikhlasan dan kebenaran).

#### Sarawak

Lambang negeri Sarawak mengandungi seekor burung kenyalang dengan sayap dan ekornya mempunyai 13 jalur, bererti 13 buah negeri di dalam Malaysia. Pada kedua-dua kakinya terdapat bunga raya melambangkan keamanan dan kemakmuran rakyatnya. Cogan kata ‘Bersatu, Berusaha, Berbakti’ terdapat di bahagian bawahnya. Manakala warna-warna negeri di dadaanya dalam bentuk perisai berwarna kuning dan dua jalur berwarna merah dan hitam, iaitu warna bendera negeri. Bintang pecah sembilan di tengah jalur ini melambangkan sembilan buah kawasan atau bahagian yang terdapat di dalam negeri ini.

#### Lambang Negeri Selangor

Anak bulan dan bintang menunjukkan agama Islam, agama rasmi negeri itu. Tembok merah di tengah-tengah ialah sambu-warna, di sebelah kanan ialah keris pendek, dan di kiri keris panjang. Ketiga-tiganya adalah alat kebesaran negeri. Tulisan Jawi yang berbunyi ‘Dipelihara Allah’ itu ialah cogan kata negeri. Di bawah cogan kata itu ialah tali bengkung yang dipakai sebagai ikat pinggang oleh pahlawan-pahlawan negeri ini pada zaman dahulu.

#### Lambang Negeri Terengganu

Anak bulan dan bintang di sebelah atas maknanya negeri ini berkerajaan Islam. Mahkota melambangkan kedaulatan raja. Pedang, keris panjang dan dua cokmar maksudnya kekuasaan kerajaan. Buku di sebelah kanan maksudnya al-Quran. Buku di sebelah kiri maksudnya kitab. Kain dukung ialah tanda alat kebesaran raja-raja Melayu.



Sarawak



Selangor



Terengganu



扫描全能王 创建

kerajaan hendak membentuk semula masyarakat melalui pembangunan bandar.

### 3 Fungsi Agensi Kerajaan atau Badan Berkanun

#### PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)

PERBADANAN Pembangunan Bandar (UDA) telah ditubuhkan pada bulan November 1971 di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. UDA bertanggungjawab untuk menyusun semula masyarakat bandar dari segi fizikal, ekonomi dan sosial melalui proses permodenan, urbanisasi dan pembangunan bandar.

Rangka kerja yang diamanahkan kepada UDA adalah seperti berikut:

1. Memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan bandar bagi:
  - (a) pembangunan, pembangunan semula, penempatan, penempatan semula dan perusahaan awam; dan
  - (b) perbaikan alam sekeliling, perkhidmatan ameniti, peredaran lalu lintas, tempat letak kereta, kemudahan-kemudahan rekreasi dan masyarakat dan lain-lain perbaikan awam bagi memajukan perpaduan negara, kesihatan, keselamatan, kesenangan dan kebajikan.
2. Memaju dan melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan pembangunan bandar dengan tujuan supaya peluang-peluang dalam lapangan perusahaan, perumahan dan lain-lain kegiatan dapat dibahagi-bahagikan antara berbagai kaum.
3. Mengadakan program tindakan bagi melaksanakan dasar

#### Matlamat

1. Mencapai dengan sebenarnya pertambahan bumiputera dalam pemilikan harta bandar dari segi stok dan nilai.
2. Mencapai dengan sebenarnya pertambahan penyertaan bumiputera secara berkesan dalam perniagaan dan perindustrian, terutama dalam lapangan yang berkait dan berbangkit dari pembangunan harta.

#### LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN)

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah ditubuhkan pada 20 September 1971 bawah Akta Parlimen No. 47, Akta Lembaga Padi dan Beras Negara Tahun 1971.

#### Objektif

1. Menyimpan dan menyelenggara suatu bekalan padi dan beras yang cukup.
2. Memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani.
3. Memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna.
4. Memastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan.
5. Membuat syor kepada kerajaan tentang polisi dengan maksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras dan jika diluluskan oleh kerajaan untuk menyelesaikan dan membantu melaksanakannya.

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, LPN adalah diberi kuasa melaksanakan Harga Tawaran Padi, mengadakan Kawalan Harga Beras; mengatur dan menguruskan pemasaran padi dan beras; mengeluarkan lesen-lesen untuk pengilang padi, pembeli padi, penjual borong dan penjual runcit; meng-import beras; mengawal stokpail beras negara, mengawal pe-



扫描全能王 创建

mindahan padi dan beras; dan memasuki perusahaan padi dan beras secara persendirian atau berkongsi.

### LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

#### Objektif

